



PANDUAN PELAKSANAAN MODUL e-NPQEL 2.0

SELAMAT DATANG kepada para peserta e-NPQEL.

Berikut adalah beberapa panduan pelaksanaan modul e-NPQEL bagi membantu peserta melaksanakan aktiviti dan tugas yang disediakan. Anda boleh muat turun dan tandakan ✓ pada kotak yang disediakan untuk tujuan semakan sendiri.

1. Tempoh pelaksanaan e-NPQEL adalah selama 7 minggu.
2. Para peserta digalakkan untuk mengemas kini profil dan menukar kata laluan (*password*) untuk tujuan keselamatan (sila rujuk panduan **Kemaskini Profil/Password** yang disediakan).
3. Para peserta juga digalakkan merujuk kepada **Panduan Meneroka e-NPQEL** yang disediakan sebelum memulakan sebarang aktiviti.
4. Para peserta perlu **membaca arahan** yang disediakan sebelum melaksanakan sebarang aktiviti.
5. Terdapat 4 modul utama dengan 8 submodul di dalam e-NPQEL iaitu:

Modul 1: BERKETERAMPILAN

Submodul 1.1: Kualiti Kendiri Pemimpin Sekolah – 1.5 jam e-Pembelajaran (eP)

Submodul 1.2: Komunikasi Berkesan – 1.5 jam eP

Submodul 1.3: Masteri Kepimpinan - 1.5 jam eP

Submodul 1.4: Kualiti Kepimpinan dan Pengurusan - 2.5 jam eP (termasuk tugas) + 2 jam **e-Tutorial**

Modul 2: BERWAWASAN – 4 jam eP (termasuk tugas) + 2 jam e-Tutorial

Modul 3: MENERAJUI PERUBAHAN – 6 jam eP (termasuk tugas) + 2 jam e-Tutorial

Modul 4: MENCEMERLANGKAN ORGANISASI

Submodul 4.1: Pengurusan Sumber & Operasi – 3.5 jam eP (termasuk tugas) + 2 jam **e-Tutorial**

Submodul 4.2: Memimpin Pembelajaran – 3.5 jam eP (termasuk tugas) + 2 jam **e-Tutorial**

Submodul 4.3: Membangunkan Kapasiti – 3.5 jam eP (termasuk tugas) + 2 jam **e-Tutorial**

Submodul 4.4: Membina Jaringan & Jalinan – 3.5 jam eP (termasuk tugas) + 2 jam **e-Tutorial**

6. Para peserta digalakkan untuk meluangkan masa sekurang-kurangnya **6.5 jam seminggu** untuk mengikuti modul-modul tersebut.
7. **Penilaian akhir disediakan pada penghujung modul/submodul** dan hanya boleh dijawab setelah peserta selesai menyempurnakan kesemua aktiviti didalam sesebuah modul/submodul.
8. Peserta perlu mendapat **100% markah dalam setiap penilaian akhir** modul/submodul tersebut bagi membolehkan *Progress bar* bertukar hijau. Butang kuiz Penilaian & *Progress bar* bagi modul tersebut tidak akan aktif sehingga kesemua aktiviti dilaksanakan.
9. **Tugasan pula boleh diakses selepas penilaian akhir berjaya disempurnakan.** Secara keseluruhannya terdapat 9 Penilaian Akhir modul/submodul dan 7 tugasan yang perlu disempurnakan.
10. Peserta perlu **menyempurnakan kesemua aktiviti dan tugasan** yang terdapat di dalam modul/submodul e-NPQEL tersebut secara berfasa **mengikut tempoh yang dinyatakan di dalam takwim e-NPQEL (Takwim e-Pembelajaran).**
11. **Sesi e-Tutorial diadakan pada penghujung setiap tempoh pelaksanaan modul/submodul** bagi membincangkan tugasan dan mengadakan sesi soal jawab bersama pensyarah.
12. *Badges* (Lencana) akan dianugerahkan kepada peserta bagi 4 modul utama yang telah disempurnakan. ***Badges* ini akan dipaparkan dalam ruang profil peserta.**
13. **Sijil Pencapaian** diaktifkan setelah anda mendapat 4 *Badges* tersebut dan mengisi borang **Maklum balas e-NPQEL. Sila muat turun/cetak sijil ini** dalam tempoh pelaksanaan e-NPQEL yang berakhir pada 4 Mac 2022.
14. Kesemua aktiviti dalam modul/submodul e-NPQEL akan **ditutup tepat pada jam 11.55 malam sehari sebelum aktiviti e-Tutorial dilaksanakan.**

SELAMAT MENGIKUTI MODUL e-NPQEL